

Timbalan Presiden MCA dalam keadaan berbelah bagi

Khobar2 Richard Ho masuk Gerakan meluas

Jam pemilihan MCA tidak penting tetapi masa itu merupakan masa yang buruk bagi beliau meninggalkan parti," ujar seorang pemerhati politik di Lumut.

Menurut beliau, ramal pengikut Datuk Richard Ho di kawasan pilihanraya Lumut mahukan beliau masuk Gerakan.

"Inilah perasaan yang dirasai termasuk kaum keluarganya yang tinggal di Kampung China Sitiawan," katanya.

"Pada masa yang sama Datuk Richard Ho juga merasa bahawa beliau sepatutnya setia kepada penyokong-penyokongnya di dalam MCA yang mahukan beliau kekal di dalam parti itu."

Mendesak

Seorang pemerhati di Sitiawan pula menjelaskan, penduduk di situ merasa halran kenapakah pemimpin-pemimpin kebangsaan MCA yang hadir dalam majlis makan malam hujung minggu lepas tidak berusaha untuk mendesak secara terbuka supaya Datuk Richard Ho menimbangkan rancangannya.

"Desakan itu perlu dibuat, tetapi nampaknya mereka seolah-olah mahukan Datuk Richard meletakkan jawatannya," katanya.

Katanya, perkara itu berlaku kemungkinan disebabkan Datuk Richard

Ho diketahui tidak boleh bekerjasama dengan hirarki dalam MCA.

Sumber Gerakan pula berpendapat Datuk Richard Ho sebagai pemimpin yang bijaksana dan tahu apa yang baik untuk rakyat.

"Pemimpin seperti Datuk Richard Ho lebih baik memasuki Gerakan," kata sumber itu.

Dipecat

Datuk Richard Ho tidak mempunyai masa hadapan yang baik jika tinggal dalam MCA kerana beliau tidak boleh bekerja dengan 'semua orang-orang Presiden' dan hanya menunggu masa saja beliau akan dipecat, tambah sumber itu.

Katanya, Gerakan sentiasa mengalu-alukan Datuk Richard Ho kerana beliau seorang yang popular dan pemimpin yang dihormati walaupun di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO.

Sementara itu, pemimpin-pemimpin kesemua cawangan MCA di bahagian Lumut dijangka bermesyuarat esok membincangkan pengumuman Datuk Richard Ho untuk meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi MCA bahagian itu.

Mesyuarat akan dipengerusikan oleh En-cik Quak Gim Choo Timbalan Pengerusi MCA Lumut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia